



UMP- RTM terus jelajah kampung dekati masyarakat

Program Kembara UMP bersama Radio Televisyen Malaysia (RTM) Pahang FM meneruskan siri jelajahnya pada kali ini dengan bermukim di Felda Sungai Tekam melibatkan 45 mahasiswa dan warga kerja UMP serta kakitangan Radio Pahang FM bagi mendekati masyarakat Felda di Jerantut pada 3 November 2013 yang lalu.

Lebih menarik program yang diadakan bersempena Sambutan Jubli Emas Felda Sungai Tekam mendapat sambutan menggalakkan dari penduduk setempat dengan pelbagai aktiviti yang dianjurkan bagi mengeratkan hubungan antara mahasiswa dan warga kerja UMP dan RTM serta penduduk kampung.

Ketibaan rombongan disambut oleh ahli dewan undangan (ADUN) Pulau Tawar, Yang Berhormat Dato' Dr. Shukri Ismail dan Pengarah Program Sambutan Jubli Emas Felda Sungai Tekam, Omar Sani Bijuri dengan sambutan yang cukup meriah termasuk kehadiran ibu dan ayah angkat yang hadir bersama ahli keluarga masing-masing.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP amat berbesar hati bekerjasama dengan pihak Radio Pahang FM untuk menjayakan program

kembara buat kali keempat ini.

"Kesempatan ini ditambah pula dengan ruang masa yang terluang sempena cuti semester merupakan peluang keemasan kepada para peserta dari UMP untuk memasyarakatkan diri mereka melalui pelbagai aktiviti yang diatur sepanjang dua hari program berlangsung," katanya yang hadir dalam majlis perasmian penutup program di padang awam di felda tersebut.

Tambahnya lagi, program ini adalah manifestasi komitmen UMP untuk memasyarakatkan kewujudannya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam agar kewujudannya dirasai, dilihat dan suaranya didengari masyarakat.

Tambah beliau, sebagai sebuah universiti yang memfokus kepada bidang kejuruteraan, sains dan teknologi, UMP turut komited untuk meningkatkan literasi ilmu masyarakat.

Justeru katanya, program ini berjaya mendokong objektif dalam memasyarakatkan kampus dengan menjalankan pelbagai aktiviti yang memberi nilai tambah kepada komuniti.

Majlis perasmian dirasmikan oleh Ahli Parlimen Jerantut, Yang Berhormat Haji Ahmad Mazlan Idris. Turut hadir Pengarah

RTM Pahang, Zubad Ibrahim, Pengurus Felda Sg. Tekam, Esmadi Ibrahim dan Pengarah Program Ahmad Izzat Zulkifli.

Sementara itu, Ahmad Izzat berkata, program bermula dengan sesi penyerahan anak angkat dan pada sebelah malamnya diadakan ceramah agama yang disampaikan oleh Ustaz Norhamizi Jamaludin dari Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dengan tajuk 'Mensyukuri Nikmat Allah'.

Lain-lain aktiviti adalah pertandingan mewarna kanak-kanak, sukaneka, program motivasi pelajar bersama 100 pelajar sekolah rendah dan menengah, kenduri rakyat, sukan, pertandingan memasak dan melawat ke kilang sawit di Jengka 8.

Turut diadakan pameran bagi memberi penerangan berkaitan program dan memperkenalkan universiti kepada khalayak ramai.

Bagi penerokawati Felda, Rohani Hj Siraj, pihaknya memuji kerjasama antara warga kerja UMP dan Pahang FM serta mahasiswa universiti yang sanggup mengorbankan masa untuk bersama-sama penduduk yang secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan antara satu sama lain.